

SERIBU WAJAH DR. MAHATHIR



Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
No. 1 & 3, Jalan 3/91A
Taman Shamelin Perkasa, Cheras
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-92856577
Fax: 03-92846554/92875763
e-mail: enquiry@upnd.com.my
laman web: www.upnd.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
Terbitan Pertama 2004


Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

ISBN 967 - 61 - 1530 - 4

Dicetak oleh
PERCETAKAN CERGAS (M) SDN BHD
29, Jalan 2/148A Taman Sungai Besi
Industrial Park, Off Jalan Sungai Besi,
57100 Kuala Lumpur.

M
APB.5/194092
SER
L

26 JAN 2004
NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 01130829



perjuangan yang belum selesai
perutusan
penghargaan
era baru • 1
kepimpinan umno • 51
mengerak wawasan • 93
hubungan sejagat • 121
suara global • 151
mendekati rakyat • 205
malaysia boleh! • 231
keluarga bahagia • 245
jasamu dikenang • 259

kandungan




Sesungguhnya
tidak ada yang lebih menyayat
dari melihat bangsaku dijajah
Tidak ada yang menyediakan
dari membiarkan bangsaku dihina
Air mata tiada ertinya
sejarah silam tiada maknanya
sekiranya bangsa tercinta terpinggir
dipersenda dan dilupakan
Bukan kecil langkah wira bangsa
para pejuang kemerdekaan
bagi menegakkan kemuliaan
dan darjat bangsa
Selangkah bererti mara
mengharung sejuta dugaan
Biarkan bertatih
asalkan langkah itu yakin dan cermat
bagi memastikan negara merdeka
dan bangsa terpelihara
Air mata sengsara
mengiringi setiap langkah bapa-bapa bangsa kita
Tugas kita bukan kecil
kerana mengisi kemerdekaan
rupanya lebih sukar dari
bermandi keringat dan darah menuntutnya
Lagi pula apalah ertinya kemerdekaan
kalau bangsaku asyik mengia dan menidakkann
mengangguk dan membenarkan
kerana sekalipun bangganya negara
kerana makmur dan mewahnya
bangsa masih melata
dan meminta-minta di negaranya sendiri
Bukan kecil tugas kita
meneruskan perjuangan kemerdekaan kita
kerana rupanya selain kemerdekaan
mengisi kemerdekaan itu jauh lebih sengsara

**perjuangan yang
belum selesai**

Bangsaku bukan kecil hati dan jiwanya
bukankah sejak zaman-berzaman
mereka menjadi pelaut, pengembara
malah penakluk terkemuka?
Bukankah mereka sudah mengembangkan sayap
menjadi pedagang dan peniaga
selain menjadi ulama dan ilmuan terbilang?
Bukankah bangsaku pernah mengharung
samudera menjajah dunia yang tak dikenal
Bukankah mereka pernah menjadi wira serantau
yang tidak mengenal erti takut dan kematian?
Di manakah silapnya hingga bangsaku
berasa begitu kecil dan rendah diri?
Apakah angkara penjajahan?
Lalu bangsaku mulai
melupakan kegemilangan silam
dan sejarah gemilang membina empayar?
Tugas kita belum selesai rupanya
bagi memartabat dan memuliakan bangsa
kerana hanya bangsa yang berjaya
akan sentiasa dihormati
Rupanya masih jauh dan berliku jalan kita
bukan sekadar memerdeka dan mengisinya
tetapi mengangkat darjah dan kemuliaan
buat selama-lamanya
Hari ini, jalan ini pasti semakin berliku
kerana masa depan belum tentu menjanjikan syurga
bagi mereka yang lemah dan mudah kecewa
perjuangan kita belum selesai
kerana hanya yang cekal dan tabah
dapat membina mercu tanda
bangsa yang berjaya

Tun Dr. Mahathir Mohamad






Sesuai dengan status dan pesonanya, Pameran 1000 Wajah Dr. Mahathir Mohamad: Satu Penghargaan Untuk Seorang Negarawan ini merupakan hadiah persaraan yang amat istimewa untuk YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah menerjui Malaysia selama 22 tahun yang telah memartabatkan maruah, meningkatkan derajat dan meninggikan profil rakyat negara ini, khususnya di persada dunia. Tanpa kepimpinan, wawasan, idea, halacara, dan pemikiran beliau, agak sukar difikirkan bahawa kita di Malaysia ini boleh berada pada tahap yang kita nikmati hari ini.

Pameran dua bulan ini adalah hadiah khas bagi menghargai sumbangan Tun Dr. Mahathir atas segala-galanya yang beliau berikan kepada agama, bangsa dan tanah air dan ia dipersembahkan oleh Media Malaysia – gabungan semua pertubuhan media cetak dan media elektronik, Jabatan Penerangan Malaysia, BERNAMA sebagai koordinator dan Balai Seni Lukis Negara sebagai tuan rumah pameran ini. Sesungguhnya daripada koleksi Media Malaysia, terdapat lebih daripada tiga juta keping gambar Tun Dr. Mahathir seperti yang dirakamkan oleh lensa jurufoto profesional, namun hanya yang 1000 terbaik sahaja terpilih untuk menjadi komponen utama pameran ini.

Sebagai penaung Pameran 1000 Wajah Dr. Mahathir Mohamad ini, saya amat bersyukur kepada Allah S.W.T dan berterima kasih kepada semua pihak yang berkenaan lantaran pameran ini telah dapat direalisasikan dengan jayanya dan koleksi gambar yang dipersembahkan itu kini berjaya pula dibukukan untuk diangkat sebagai satu lagi dokumen sejarah yang berkait rapat dengan Tun. Dr. Mahathir Mohamad. Buku ini nescaya akan memperkayakan lagi khazanah anak bangsa dengan koleksi yang hebat seperti ini yang merealisasikan hasrat mereka untuk mengenali dengan lebih dekat Tun Dr. Mahathir Mohamad yang tidak pernah disiaran hatta di mana sekalipun sebelum ini. Adapun buku ini wajar dibaratkan sebagai pameran tetap 1000 Wajah Dr. Mahathir Mohamad yang kini mengambil tempatnya sebagai seorang Negarawan terbilang pernah dilahirkan oleh Malaysia. Syabas!



TAN SRI KHALIL YAAKOB
MENTERI PENERANGAN MALAYSIA

perutusan



Pihak penerbit mengucapkan terima kasih kepada:

MENTERI PENERANGAN MALAYSIA

KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA

BERNAMA

NEW STRAITS TIMES

THE STAR

BERITA HARIAN

SIN CHIEW DAILY

NANYANG SIANG PAU

THE SUN

CHINA PRESS

BALAI SENI LUKIS NEGARA

dan pelbagai pihak yang turut memberi sumbangan
dalam menjayakan penerbitan buku ini.

penghargaan



era baru



DATUK HUSSEIN ONN mengisyiharkan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai pengantinnya di Perhimpunan UMNO di Hotel Hilton pada tahun 1981.




SERAHAN TAMPUK KEPIMPINAN ... memeluk Tun Hussein Onn pada Perhimpunan Agung UMNO Jun 1981. Dr. Mahathir mengambil alih jawatan Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia daripada Tun Hussein Onn.



SESI bergambar sehari sebelum menerima tampuk kepimpinan daripada Tun Hussein Onn (kanan).



MENERIMA surat pelantikan sebagai Perdana Menteri daripada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ahmad Shah di Istana Negara pada 16 Julai 1981.



ATAS: MENGANGKAT sumpah sebagai Perdana Menteri keempat pada 16 Julai 1981.

KIRI: BERSAMA Tun Hussein selepas mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ahmad Shah di Istana Negara.



BERSAMA Yang di-Pertuan Agong selepas menyaksikan upacara angkat sumpah anggota jemaah menteri di Istana Negara pada 20 Julai 1981. Timbalannya, Datuk Musa Hitam hadir sama.



BOS BARU ... diperkenalkan oleh Tun Hussein Onn kepada kakitangan Jabatan Perdana Menteri ketika tiba di pejabatnya selepas pelantikan sebagai Perdana Menteri pada 6 Julai 1981.



MENJALANKAN TUGAS ... gambar kenangan sempena 100 hari pertama sebagai Perdana Menteri yang keempat pada 26 Oktober 1981.



DIKERUMUNI wartawan sejurus tiba di pejabatnya pada hari pertama sebagai Perdana Menteri.



MESYUARAT pasca-Kabinet pertama selaku Perdana Menteri pada 22 Julai 1981 bersama Datuk Musa Hitam.



TERSENYUM dengan teguran Yang di-Pertuan Agong, Sultan Iskandar terhadap Datuk Musa Hitam selepas sembahyang Hari Raya Aidilfitri di Masjid Negara pada Jun 1984.




MENUNAIKAN sembahyang di Masjid Negara bersama pemimpin tempatan dan wakil kedutaan asing pada 31 Julai 1986.



KIRI: BERBUAL mesra dengan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Iskandar.


BAWAH: "SAYA TAK DENGAR," ... mungkin itu yang cuba diperakatkan ketika timbalannya, Datuk Musa Hitam menjelaskan kepada wartawan sekembalinya Dr. Mahathir daripada lawatan ke Macau pada 1 Oktober 1985.





ATAS: MENGADAKAN sidang akbar sejurus tiba di Subang selepas lawatan ke luar negara pada Oktober 1984.


KIRI: TERLUPA SESUATU? ... gerak isyarat ketika tiba di lapangan terbang selepas pulang dari Brunei pada Mac 1987.



BERKONGSI saat manis bersama bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri di Kuala Lumpur pada Mei 1989.



MENEMUI wartawan berhubung perkembangan semasa di Sri Perdana pada 22 September 1998.



ATAS: TIBA pada hari pertama kerja di premis baru Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya pada 21 Jun 1999.

KIRI: MEMBINCANGKAN sesuatu dengan timbalannya, Datuk Seri Anwar sebelum bertolak ke London untuk lawatan pada Oktober 1997.



TIBA untuk mempengerusikan mesyuarat pertama jemaah menteri di Putrajaya.



DR. MAHATHIR yang juga Menteri Kewangan mendengar soalan daripada ahli Parlimen pembangkang di Dewan Rakyat ketika perbahasan Bajet 1999.



ATAS: DISAMBUT orang ramai ketika melawat Langkawi pada Oktober 1997. Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid menemani beliau.

KIRI: MENURUNKAN tandatangan pada buku *Malaysia Incorporated* selepas melancarkannya pada 25 Julai 2002.



ATAS: BERCAKAP dari pejabatnya semasa sesi sidang video mengenai projek pembangunan Koridor Raya Multimedia pada 15 April 1997.

KIRI: MINUM TEH CARA JEPUN ... mencuci tangan secara tradisi selepas menghadiri upacara minum teh Jepun di Pusat Peranginan Bukit Tinggi, Pahang. Dr. Mahathir menghadiri upacara minum teh Jepun di Japanese Tea House bersama Menteri Kabinet yang mengadakan mesyuarat mingguan di Pusat Peranginan Bukit Tinggi yang terletak kira-kira 60 kilometer dari Kuala Lumpur. Mesyuarat itu diadakan di Bukit Tinggi supaya anggota-anggota Kabinet dapat mempelajari sesuatu daripada adat istiadat orang Jepun itu.




DIKUNJUNGI Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman di Institut Jantung Negara ketika dirawat kerana jangkitan paru-paru awal April 1999.




ATAS: DR. MAHATHIR seperti berfikir atau sedang mendengar soalan pada satu sidang akbar dalam tahun 1983.

KIRI: "SEHARUSNYA MACAM INI" ... mungkin itu yang diperkatakan kepada wartawan di Pangkalan TUDM, Subang.



ATAS: BERSAMA Yang di-Pertuan Agong, Sultan Iskandar dan Datuk Musa Hitam semasa menghadiri majlis tahlil sempena Hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w.

KIRI: KHUSYUK berbincang dengan Tun Hussein Onn pada Konvensyen Bumi-putera pada tahun 1989.



BUKAN BERMAIN "CAK-CAK" ... mencuba topeng penangkis percikan api sewaktu melawat Pusat Teknologi Industri Logam (MITEC), Shah Alam bersama Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali pada September 1981.



MEMBANTU bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj selepas majlis perasmian Seminar Majlis Dakwah Islam Serantau Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP) di Bangunan parliment pada Jun 1982.



MENYAMPAIKAN "duit raya" kepada Datuk Musa Hitam pada 1983.



BERSAMA Yang di-Pertuan Agong terpegun dengan kereta nasional pertama, Proton Saga pada 10 Julai 1985.




ATAS: TETAP INGAT SAHABAT LAMA ... mengunjungi bekas Setiausaha Agung UMNO, Datuk Senu Abdul Rahman di Hospital Besar Kuala Lumpur pada tahun 1985.

KIRI: SELAMAT KEMBALI ... diiringi Datuk Musa Hitam sekembalinya ke tanah air selepas lawatan ke Amerika Syarikat dan Kanada pada Januari 1984.



TEKUN, KHUSYUK DAN SERIUS ... ketika di pejabat lama di Jabatan Perdana Menteri Kuala Lumpur.



ATAS: BERSAMA Tun Ghafar yang dilantik sebagai timbalannya pada 1987.

KIRI: MENGEKUKAKAN PANDANGAN ... pada sidang akhbar di lobi bangunan Parlimen.



SEGAK dan kakak berpakaian rasmi majlis makan malam di Sri Perdana pada Mei 1984.



BERGURAU ... bersama Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali sambil diperhatikan oleh Presiden MCA Datuk Lee San Choon ketika majlis rumah terbuka parti sempena Tahun Baru Cina pada Februari 1983.



MELANJUTKAN TRADISI "berkongsi kuasa dan ekonomi" bersama Tun Tan Siew Sin (tengah) dan Datuk Dr. Neo Yee Pan pada Perhimpunan Agung MCA pada 16 Oktober 1983.



ATAS: DENGAN SERIUS memikirkan sesuatu pada majlis pelancaran Amanah Saham Nasional pada 8 Januari 1981 yang turut dihadiri oleh Tun Ismail Mohd. Ali dan Datuk Lee San Choon (kiri).

KIRI: KOMUNIKASI dua bangsa serumpun bertambah lancar berkat kemajuan teknologi ... Dr. Mahathir menghubungi Presiden Suharto ketika majlis pelancaran kabel dasar laut antara Pulau Pinang dengan Medan, Sumatera pada 2 Mac 1985.



ATAS: BERSAMA pemimpin-pemimpin MCA ketika pembukaan rasmi Perhimpunan Agung Tahunan pada Julai 1999.

KIRI: SENDIRIAN ... mengikuti perbahasan di Dewan Rakyat.



MENGUCAPKAN Selamat Hari Raya Aidiladha kepada Sultan dan Sultanah Kedah pada 18 April 1997.



TAKZIM DAN BERHEMAH ... yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menurunkan tandatangan pengesahan pengisytiharan Akujanji Dr. Mahathir di Istana Negara pada 6 Mac 2002. Kerajaan memperkenalkan Akujanji awal tahun 2002 kepada semua warga institusi awam.



BERSAMA Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 21 April 1997 di Istana Selangor untuk memaklumkan pelantikan Menteri Besar yang baru iaitu Datuk Abu Hassan Omar menggantikan Tan Sri Muhammad Muhd. Taib.



PENYOKONG KUAT ... seorang ahli MCA memegang potret Dr. Mahathir Mohamad ketika sesi bertemu rakyat di Kuala Lumpur pada Ogos 1998.




MELAMBAI ke arah orang ramai di Pangkalan TUDM, Subang. Beliau pulang ke tanah air selepas bercuti selama 10 hari di Itali dan Mediterranean pada 3 Julai 2002, percutian selepas pengumuman mengejutkan untuk bersara daripada jawatan kerajaan dan politik.



MERAKAM waktu keluar pejabat buat kali terakhir di Jabatan Perdana Menteri, Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur sebelum berpindah ke Putrajaya.



DR. MAHATHIR memulakan mesyuarat kabinetnya yang pertama di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru di Putrajaya pada 23 Februari 2000.




BERSAMA timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pejabatnya pada 11 Januari 1999.



MENEMUI pengarang-pengarang dan wartawan-wartawan kanan media tempatan pada 30 September 1998.



DETIK KENANGAN bersama Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengangkat sumpah sebagai Timbalan Perdana Menteri di Istana Negara pada 26 April 1999.



ATAS: SAAT-SAAT ceria ketika membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) di Dewan Rakyat pada 3 April 2001.

KIRI: BERSAMA Dr. Siti Hasmah melihat gambarannya bersama bekas Pengerusi PNB Tun Ismail Mohd. Ali di Galeri PNB pada Disember 2001.



ATAS: BERSAMA Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail pada hari kedua Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu Ke-197 di Istana Negara pada 26 Jun 2003.

KIRI: AUTOGRAF untuk pelajar mencatatkan keputusan terbaik dalam peperiksaan SPM pada jamuan tengah hari yang diadakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya pada 21 April 2001.



ATAS: BERBINCANG dengan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor ketika berbuka puasa di Masjid Al-Bukhary, Alor Setar pada Disember 2000.


KIRI: MENUNJUKKAN dokumen Bajet 2003 di pejabatnya di Putrajaya sebelum bertolak ke Parlimen pada 20 September 2002.



TERBUKA ... meskipun berlainan pendirian politik, Dr. Mahathir bersikap terbuka dan sedia berbual dengan sesiapa sahaja termasuk ahli-ahli politik pembangkang. Bergurau dengan Setiausaha Agung Pas, Nasaruddin Isa selepas sidang akbar di bangunan Parlimen pada 24 Mac 2003.



BERSAMA Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada majlis Maulidur Rasul di Stadium Putra, Bukit Jalil pada 14 Mei 2003.



ATAS: KERJASAMA POLITIK ... memberi penjelasan kepada media sambil diperhatikan oleh (dari kiri) Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liang Sik dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas mesyuarat Dewan Tertinggi BN. Hubungan parti komponen BN bertambah erat seiring dengan peningkatan jumlah anggota dalam pakatan ini.



KIRI: BERSAMA TUANKU ... dengan diiringi Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menyambut Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Dataran Parlimen pada sambutan pelantikan Sen Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-12 pada 13 Disember 2001.



"ADAKAH ITU BENAR?" ... menjawab kenyataan dengan menudung ke arah bahagian pembangkang ketika sesi perbahasan Dewan Rakyat pada 20 Disember 1999.



MENERIMA pingat Satria Bintang Sarawak yang membawa gelaran "Pehin" daripada Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieeng pada 25 Julai 2003.



kepimpinan umno



ATAS: MENDENGAR sesuatu yang di perkatakan oleh timbalannya, Ghafar Baba ketika mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 26 September 1987. Ghafar dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1986.

KIRI: MEMERIKSA nota di kediamannya selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 21 Mac 1982.



BERSAMA Datuk Musa Hitam mengaminkan doa sebelum bermulanya mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 21 Mac 1982.



"HANYA SATU" ... bergurau dengan Datuk Musa Hitam yang bangun untuk meng-gulung perbahasan pada Perhimpunan Agung UMNO 1984.



ATAS: TIDAK dapat menahan ketawa dengan hujah seorang perwakilan pada Perhimpunan Agung UMNO 1984.

KANAN: MEMBANTU Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj selepas majlis perasmian Perhimpunan Wanita UMNO pada tahun 1989.







ATAS: PENYOKONG-PENYOKONG Barisan Nasional membawa poster Perdana Menteri di Bagan Datoh pada 27 November 1983.

KIRI: WAJAH BERSERI pada Perhimpunan Agung UMNO awal 1980-an.



ATAS: "ADA BERITA BAIK" ... menerima keputusan pilihan raya umum 1982 menerusi telefon.

KANAN: MENEMUI wartawan selepas kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum 1982. Pilihan raya pertama di bawah gandingan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Musa selaku timbalannya.






MEMIKIRKAN sesuatu seorang diri di luar bilik khasnya di PWTC semasa Perhimpunan Agung UMNO.



BERSELOROH bersama Tun Hussein Onn (kanan sekali) dan Datuk Abdul Manan Othman (tengah) ketika Perhimpunan Agung UMNO 1981 – perhimpunan bersejarah kerana Dr. Mahathir diumumkan sebagai pengganti Tun Hussein.



PERBINCANGAN serius dengan timbalannya, Datuk Musa Hitam ketika majlis perasmian Perhimpunan Agung MCA pada September 1981.



BERSAMA Datuk Musa Hitam mengikuti perkembangan keputusan pilihan raya umum 1982, pilihan raya pertama selepas dilantik sebagai Perdana Menteri.



ATAS: MENEMUI wartawan selepas kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum 1982.

KANAN: MEMPENGERUSIKAN mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional di Labuan pada 16 April 1984. Bersama Datuk Musa Hitam (kanan), Tengku Razaleigh Hamzah dan Ghafar Baba (kiri).

KIRI: MENEMUI wartawan sempena Perhimpunan Agung UMNO 1983.





MESYUARAT DEWAN TERTINGGI BARISAN NA DI LABUAN PADA 15-4-1984 JAM 1-45 PETE



YAB DATO' SEPI DR. MAHATHIR MOHAMAD




MENGIKUTI sesi perbahasan dari tempat duduk perwakilan di Dewan Merdeka PWTC ketika Perhimpunan Agung UMNO.



MOOD tiga pemimpin UMNO ketika Perhimpunan Agung UMNO 1985 ... bersama Datuk Musa Hitam dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi.



BERSAMA bekas Presiden UMNO, Tun Hussein Onn dan Pengerusi Tetap UMNO, Datuk Sulaiman Ninam Shah pada Perhimpunan Agung UMNO 1983.



MEMBINCANGKAN sesuatu dengan Pengerusi Tetap, Datuk Sulaiman Ninam Shah ketika Perhimpunan Agung UMNO 1985.



ATAS: PADA Perhimpunan Agung UMNO bersama Datuk Musa Hitam dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

KIRI: BERGURAU dengan Aishah Ghani dan Napsiah Omar ketika melawat gerai Pergerakan Wanita sempena Perhimpunan Agung UMNO 1983.



TERHIBUR ... bersama Dr. Siti Hasmah pada majlis Malam Bersama Pejuang Negara sempena ulang tahun ke-40 Pergerakan Wanita UMNO.



DI BILIK Presiden UMNO, Menara Dato' Onn, Kuala Lumpur.



MENGHAYATI poster wajah beliau pada Perhimpunan Agung UMNO 1989.



ATAS: BERSAMA timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada sesi bergambar dengan ahli Majlis Tertinggi UMNO pada hari pertama perhimpunan Agung UMNO. Anwar disingkirkan daripada UMNO pada 19 September 1998.

KIRI: RENUNGAN MENDALAM ... ketika Perhimpunan Agung UMNO 2002.





"KITA PERLU MENGUBAH PEMIKIRAN," ... menyampaikan ucaptama pada Perhimpunan Agung Tahunan UMNO pada Jun 1998.



PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)

MBUTAN ULANG TA NUBUHAN UMNO KE 55



ATAS: PRESIDEN UMNO memotong pulut kuning pada majlis sambutan ulang tahun ke-57 parti di Stadium Merdeka.

KIRI: PENGHORMATAN ... diberi tepukan selepas menyampaikan ucapan pada majlis Memperingati Perjuangan UMNO dan Pertemuan Presiden UMNO Bersama Veteran sempena ulang tahun ke-55 parti di PWTC pada 11 Mei 2001.




PERBINCANGAN serius dengan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika Perhimpunan Agung UMNO.




SIDANG AKHBAR selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 31 Julai 2003.



SOALAN LAIN? ... Dr. Mahathir menemu wartawan selepas mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tertinggi UMNO pada 10 Julai 2000 di Kompleks Sri Perdana. Di kanan beliau ialah timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaacob dan Bendahari UMNO, Tun Daim Zainuddin (kiri sekali).



RENUNGAN MENDALAM ... di Pejabat Perdana Menteri pada tahun 1983.



"MINUM INI UNTUK KEKUATAN," ... menunjukkan minuman tonik ketika melawat gerai jualan dan pameran sempena Perhimpunan Agung UMNO 1995.




DENGAN gaya tersendiri menghuraikan hujah ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung UMNO.



DAKSIKAN SEMULA ... menggayaikan semula aksinya yang dirakam ketika berucap pada Perhimpunan Agung UMNO 1995 sewaktu menyaksikan Pameran Koleksi Gambar Perjuangan parti itu di PWTC pada 12 Oktober 1996.



GESAAN supaya ahli-ahli UMNO bersatu padu disampaikan dengan bersemangat dalam ucapan penggulungan Perhimpunan Agung parti pada 15 Mei 2000.



ATAS: MEMBINCANGKAN sesuatu dengan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika waktu rehat Konvensyen Barisan Nasional di PWTC pada 7 Julai 2001.

KIRI: DR. MAHATHIR semasa Perhimpunan Agung UMNO pada 21 Jun 2002.



MENEGASKAN kenyataannya pada sidang akhbar selepas mempergerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO.



BERSEDIA dengan keris ... persiapan untuk memotong pulut kuning ketika majlis rumah terbuka Puteri UMNO di PWTC pada 11 Februari 2001.



BERSALAM dengan Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di PWTC pada 8 Januari 1999.



BERUCAP di hadapan potret besar Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.



DIBERI tepukan gemuruh pada Perhimpunan Agung UMNO. Bersama beliau ialah timbalannya, Ghafar Baba dan Setiausaha Agung, Datuk Mohamed Rahmat.



KEPUTUSAN PILIHAN RAYA UMUM 1999 KERUSI PARLIMEN



193

KERUSI BARISAN NASIONAL

KERUSI

1 3 1 - 0 3

MEMBENTUK KERAJANAN... menunjukkan angka 131 iaitu jumlah kerusi yang dimenangi oleh Barisan Nasional (BN) setakat 11 malam dalam pilihan raya umum ke-10 pada November 1999. BN memperoleh 148 daripada 193 kerusi dipertandingkan dalam pilihan raya itu.



TERTARIK dengan kata-kata penghargaan menggunakan tajuk sajak "Perjuangan Yang Belum Selesai", yang dideklarasikan oleh beliau pada tahun 1996, semasa meninjau pameran sempena Perhimpunan Agung UMNO 1999.




MENUNJUKKAN lukisan minyak besar wajahnya di PWTC ketika Perhimpunan Agung UMNO 2003.



SEBAK

SEBAK ... berucap pada Perhimpunan Agung UMNO Khas di PWTC pada 18 November 2000.



DITENTERAMKAN oleh pemimpin-pemimpin UMNO apabila mengumumkan keputusannya untuk bersara daripada politik dan kerajaan ketika Perhimpunan Agung UMNO pada 23 Jun 2002.




ATAS: DR. MAHATHIR dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tergelak dengan gurauan seorang perwakilan yang menyertai perbahasan semasa Perhimpunan Agung UMNO.

KIRI: PERJUANGAN ... menunjukkan keris ke arah para hadirin sebelum memotong pulut kuning sempena sambutan ulang tahun ke-56 penubuhan UMNO di Stadium Malawati, Shah Alam pada 5 Mei 2002.



ATAS: BERSAMA Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Perhimpunan Agung UMNO 2003.

KANAN: GANDINGAN KEPIMPINAN ... Dr. Mahathir dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada upacara naik bendera sempena Perhimpunan Agung UMNO di pekarangan Menara Dato' Onn, Kuala Lumpur.





menggerak wawasan



ATAS: MENINJAU bendera raksa Malaysia ketika sambutan Hari Kebangsaan 1988.


KIRI: MENANTI WAKTU TEPAT ... memeriksa jam tangannya sebelum melancarkan Pasaran Masa Depan Minyak Sawit Mentah dan Getah pada 29 Oktober 1985. Di kiri beliau ialah Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong.



ATAS: BAPA KEMERDEKAAN, Tunku Abdul Rahman tertarik dengan wang syiling kenang-kenangan sempena ulang tahun kemerdekaan ke-25 yang disampaikan oleh Dr. Mahathir di Bank Negara pada 30 Ogos 1982.

KANAN: MENDONGAK selepas menyempurnakan upacara *topping out* bangunan Daya Bumi di ibu negara pada 20 Mei 1983.







ATAS: ADA YANG TIDAK KENA? ... Sultan Iskandar menyatakan sesuatu mengenai kasut Dr. Mahathir pada Hari Kebangsaan 1988.

KIRI: TEPUKAN GEMURUH ... terharu dengan penghargaan yang diberikan selepas mendeklamasi sajak di Dewan Bahasa dan Pustaka.



ATAS: "TEPAT WAKTU," ... mungkin itu yang diperkatakan oleh Tun Hussein Onn ketika Dr. Mahathir melihat jamnya selepas menyampaikan ucaptama pada Persidangan Meja Bulat Asia Ketiga mengenai Pembinaan Keyakinan dan Pengurangan Konflik di Pasifik pada Jun 1989. Tun Hussein, bekas Perdana Menteri, ketika itu merupakan Pengurus Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa, pengajar persidangan itu.

KANAN: KOMITMEN ... hadir untuk menyaksikan Pameran PATA pada 1986 meskipun dalam hujan lebat.





PADA majlis pengisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984.
Bersama Dr. Mahathir ialah Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh (kanan).



BERBUAL dengan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohd. Ghazali Seth di
majlis perasmian Kolej Pertahanan Angkatan Tentera pada September 1981.



BERTEMU seorang peserta sambutan program Citra Warna Malaysia selepas melancarkannya di Dataran Merdeka.



ATAS: PRODUK IDEA PM ... melancarkan unit Perodua Kancil ke-50,000 pada 22 Disember 1995. Perodua merupakan syarikat kereta nasional kedua Malaysia.

KANAN: MELANCARKAN kad pengenalan baru pada 13 Ogos 1991.






ATAS: MELAMBAI Jalur Gemilang sebagai tanda melepaskan peserta konvoi motosikal sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-43 di Dataran Merdeka pada 17 Ogos 2000.


KIRI: MERASAI mesin taip lama yang pernah digunakan oleh Sasterawan Negara Za'ba selepas melancarkan pameran Jati Diri Melayu di PWTC pada 29 April 2000.



ATAS: SATU LAGI MERCU TANDA NEGARA ... merasmikan Jambatan Pulau Pinang pada 3 Ogos 1985. Bersamanya ialah Dr. Siti Hasmah; Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu dan Menteri Kerja Raya, Datuk S.Samy Vellu dan isteri masing-masing.

KIRI: MENYERTAI acara tarik tali sempena Hari Keluarga Perkasih pada 1987.





ATAS: MENGADAKAN sidang media khas di kediaman rasminya, Sri Perdana pada 26 September 1998.

KANAN: DENGAN ditemani Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, menyaksikan pameran ketika lawatan ke RTM pada 28 Disember 1993.

KIRI: MENERIMA kad ucapan "terima kasih" daripada penghuni Pusat Komuniti Golongan Cacat Pendengaran Bukit Nanas sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-42 pada 27 Ogos 1999.








KANAN: ERA BARU ... berjabat dengan robot selepas merasmikan Ekspo Sains dan Teknologi di Kuala Lumpur pada 2 Julai 2001. Bidang pembangunan sains dan teknologi diberi penekanan penting oleh Dr. Mahathir termasuk misi untuk menghantar rakyat Malaysia ke angkasa lepas.


KIRI: Melancarkan pertandingan uji bakat anjuran RTM pada Disember 1994.



ATAS: PREMIS BARU ... selaku Menteri Kewangan Pertama merasmikan bangunan Kementerian Kewangan di Putrajaya pada 16 September 2002. Putrajaya, pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan, menempatkan pejabat-pejabat ke arah penempatan berpusat pentadbiran kerajaan.

KANAN: MELUCUKAN! ... aksi tersendiri Dr. Mahathir ketika merasmikan Mesyuarat Majlis Telekomunikasi Komanwel Ke-40 pada 6 November 2000. Di bawah kepimpinan beliau, Malaysia meneroka teknologi maklumat – peringkat pembangunan baru selepas bidang pertanian dan perindustrian.







ATAS: TERASA NAK PEGANG ... tertarik dengan seekor ayam serama selepas merasmikan Hari Petani, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Kompleks Bukit Jalil pada 22 Julai 2000.

KIRI: MEMBUKA dengan rasmi taman tema air Sunway Lagoon pada 29 April 1993.





ATAS: MENYEMPURNAKAN majlis serahan Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) bernilai RM650 juta pada 9 Jun 2003. PCC merupakan lokasi Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mulai 11 hingga 18 Oktober 2003, persidangan antarabangsa pertama berlangsung di premis tersebut.

KIRI: BERUBAH KERJAYA! ... sambil mengenakan topi pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia, melambai ke arah kakitangan agensi itu ketika meninggalkan majlis perasmian Hari Kastam Sedunia di Akademi Kastam Diraja Malaysia, Melaka pada 25 Januari 2002.



ATAS: MELANCARKAN projek pembangunan Putrajaya pada 29 Ogos 1995. Bersama Dr. Mahathir ialah (dari kiri) Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.


KANAN: BERSAMA Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali melepaskan burung merpati ketika majlis pecah tanah kampus baru Universiti Multimedia Malaysia (MMU), Putrajaya pada 28 Jun 2003. Dr. Siti Hasmah merupakan Canselor MMU. Universiti ini salah satu produk projek pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).





ATAS: MEMINATI SASTERA ... walau sibuk dengan tugas, Dr. Mahathir Mohamad turut meluangkan masa merasmikan majlis penyampaian Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2002 dan bergambar bersama pemenang selepas majlis tersebut pada 28 Mei 2003.

KIRI: MELAWAT salah sebuah gerai ketika merasmikan Konvensyen Kebangsaan Usahawan Wanita 2002. Dr. Mahathir tertarik dengan kemahiran kanak-kanak berusia enam tahun, Hafizah Sulaiman.




hubungan **sejagat**



HUBUNGAN ERAT... menyambut Presiden Perancis, Jacques Chirac yang tiba di Kompleks Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya sempena lawatannya ke Malaysia pada Julai 2003. Kedua-dua pemimpin mempunyai hubungan erat dan bekerja rapat dalam pelbagai isu antarabangsa.







ATAS: MENUNJUKKAN kepada Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi panorama Putrajaya dari pejabatnya pada 10 Januari 2002.

KANAN: DIBANTU ... Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membentulkan jaket Dr. Mahathir Mohamad selepas beliau turun dari pesawat sejurus kembali ke tanah air daripada lawatan ke Switzerland pada 26 Januari 2003.

KIRI: HUBUNGAN MESRA ... menyambut Presiden Venezuela, Hugo Chavez ketika beliau tiba di Kompleks Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya pada 29 Mei 2001.







ATAS: BERSAMA Perdana Menteri China, Zhu Rongji di Putrajaya pada November 1999.

KIRI: Bersama Emir Bahrain.



MAHATHIR



ATAS: RAKAN ASEAN ... bersama Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra dalam Forum Perniagaan NAM sempena Sidang Kemuncak Ke-13 NAM di Kuala Lumpur pada Februari 2003. Dr. Mahathir menghadiri mesyuarat forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Bangkok mulai 19 hingga 21 Oktober 2003.

KANAN: PERTEMUAN BERMAKNA ... menyambut ketibaan Yasser Arafat. Malaysia di bawah kepimpinan Dr. Mahathir memberikan sokongan padu ke atas perjuangan rakyat Palestin pimpinan Yasser.

KIRI: BERSAMA Presiden Afghanistan Hamid Karzai semasa beliau menghadiri Sidang Kemuncak NAM Ke-13 di Kuala Lumpur pada Februari 2003.





MAHATHIR



ATAS: MEMBETULKAN jaket sebelum sesi penggambaran pada pertemuan dengan rombongan Dewan Perniagaan Malaysia Amerika Syarikat (AMCC) di Cyberview Lodge, Cyberjaya pada 16 Oktober 2001. Di sisi beliau ialah Duta AS ke Malaysia Marie Huhtala dan Presiden AMCC Nicholas S. Zeffreys.

KANAN: MENYAMBUT ketibaan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo ketika Sidang Kemuncak NAM Ke-13 di PWTC pada Februari 2003.

KIRI: BERSAMA Presiden Pakistan, Pervez Musharraf ketika Sidang Kemuncak NAM Ke-13 di Kuala Lumpur pada Februari 2003.





ATAS: BERSAMA Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher pada tahun 1988 sempena CHOGM di Kuala Lumpur.

KIRI: MENERIMA tukul kayu daripada Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki sebagai simbolik Malaysia mengambil alih jawatan Pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkewajipan (NAM). Malaysia merupakan tuan rumah Sidang Kemuncak NAM Ke-13 pada Februari 2003.




BERSAMA Ratu Elizabeth II di Carcosa Seri Negara ketika lawatan ke Kuala Lumpur sempena Sukan Komanwel pada September 1998.






ATAS: UNTUK ALBUM ... bersama Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman; Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nazihah; Ratu Elizabeth II, Putera Philip dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di Istana Negara pada September 1998 ketika lawatan ke Malaysia sempena Sukan Komanwel.

KIRI: MEMAKMURKAN JIRAN ... berucap merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2002. Dr. Mahathir memperkenalkan kongsi perkongsian bestari dalam proses pembangunan negara di peringkat antarabangsa menerusi LID, yang turut menyumbang kepada kelahiran Dialog Antarabangsa Selatan Afrika dan Dialog Antarabangsa Barbados.



ATAS: MENGIRINGI Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong yang menaiki kereta nasional Proton Perdana ketika rakan sejawatannya melawat Pusat Penyiaran Asia di Bukit Jalil pada Februari 1998. Goh mengadakan lawatan kerja dua hari ke Malaysia dan kembali ke Singapura menerusi perjalanan menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan.

KIRI: SEMANGAT PERSAHABATAN SESAMA ASEAN ... bersama Presiden Suharto selepas menyampaikan sebuah kereta Proton Saga sebagai hadiah daripada kerajaan Malaysia.



ATAS: PRESIDEN MEXICO, Salinas tertarik dengan cenderamata yang disampaikan oleh Dr. Mahathir ketika lawatan pada September 1991.

KIRI: MENYAKIKAN pertunjukan kebudayaan bersama Presiden Ershad dari Bangladesh sempena lawatannya ke Malaysia pada November 1985.





ATAS: BERSAMA rakan sejawatannya dari Australia, Bob Hawke pada tahun 1984.

KIRI: BERKONGSI pandangan dengan Pengerusi Microsoft Corporation, Bill Gates di Putrajaya pada 13 September 2000.



ATAS: BERKONGSI PANDANGAN ... bersama Perdana Menteri Qatar, Sheikh Abdullah Kalifa Al-Thani ketika Mesyuarat Khas OIC di Kuala Lumpur pada Februari 2003. Ia diadakan bagi membincangkan isu Iraq yang berhadapan dengan ancaman serangan negara-negara Barat.




ATAS: MENYAMBUT Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore pada pertemuan sempena persidangan APEC di Cyberview Lodge pada November 1998.



KIRI: BERSAMA rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Kuan Yew pada majlis makan malam pada tahun 1988.



ATAS: MENERIMA cenderamata dari pada Ketua Pengarah Pusat Penyelidikan OIC bagi Sejarah, Seni dan Budaya Islam, Prof. Dr. Ekmeleddin Ihsanoglu selepas beliau mengumumkan pengwujudan Anugerah Mahathir Untuk Pengurusan Islam sempena Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya pada 16 Oktober 2003.

KANAN: MENIKMATI minuman ringan Mecca Cola pada pameran Ekspo OIC 2003 di Putrajaya.





ATAS: DUTA Bosnia di Malaysia, Hajrudin Somun menunjukkan buku bertajuk *Bosnia Today* dan *Mahathir* hasil tulisannya yang dilancarkan sempena Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya pada 15 Oktober 2003.

KIRI: SYABAS ... bersalam dengan Presiden Iran, Mohamad Khatami dan pemimpin kerajaan dan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam pada akhir sidang kemuncak yang berlangsung di Putrajaya pada 17 Oktober 2003.




ATAS: MENERIMA sijil penghargaan daripada Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam, Abdelouhed Belkeiz (kiri) sambil dibantu oleh Presiden Sierra Leone, Dr. Ahmed Tejan Kabbah selepas berucap menutup Sidang Kemuncak Ke-10 OIC di Putrajaya pada 17 Oktober 2003.

KANAN: DR. MAHATHIR Mohamad menyampaikan ucapan penutup pada Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya pada 17 Oktober 2003.

CHAIRMAN OF
THE TENTH SESSION OF
THE ISLAMIC SUMMIT CONFERENCE



MENERIMA cenderamata daripada Sri Mir Khan selepas melancarkan syiling dinar emas pada majlis perasmian Ekspo OIC 2003 di Putrajaya pada 14 Oktober 2003.




DR. MAHATHIR Mohamad melihat al-Quran tulisan tangan ketika melawat Gerai Negara Brunei selepas merasmikan Ekspo OIC 2003.




ATAS: CERIA ... dengan tenang dan aksi tersendiri menjawab soalan wartawan pada hari terakhir Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya pada 17 Oktober 2003. Di sisi beliau ialah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

KIRI: DR. MAHATHIR Mohamad menunjukkan reaksi ketika sidang akhbar Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya pada 17 Oktober 2003.



ATAS: PANDANGAN ... para perwakilan mengikuti ucapan Dr. Mahathir Mohamad pada majlis pembukaan Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya pada 16 Oktober 2003.

KIRI: Berucap pada majlis pembukaan Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya pada 16 Oktober 2003.



KENANGAN ... menandatangani autografi untuk wartawan selepas berucap menutup dan sidang akbar Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya pada 17 Oktober 2003.



MENYAMBUT ketibaan Timbalan Perdana Menteri Arab Saudi, Putera Abdullah Abdul Aziz di Pusat Konvensyen Putrajaya pada hari pertama Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya pada 16 Oktober 2003.



HUBUNGAN MESRA ... berbual dengan Presiden Rusia, Vladimir Putin yang menghadiri Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya sebagai tetamu khas. Bersama mereka ialah Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.



suara global



BERSAMA Presiden Filipina, Cory Aquino.



MENEMUI Perdana Menteri, Zhao Ziyang ketika mengunjungi China pada November 1985.



BERSAMA Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah; Presiden Suharto (Indonesia); Presiden Cory Aquino (Filipina); Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dan Perdana Menteri Thailand, Anand Panyarachun ketika Sidang Kemuncak ASEAN pada 1992.



PERTEMUAN pertama dengan Presiden Filipina, Ferdinand Marcos ketika lawatannya ke Brunei pada Februari 1984.



BERSAMA Perdana Menteri Thailand, Tun Prem Tinsulanonda.



MENERIMA perbarisan penghormatan ketika tiba untuk lawatan ke China pada 20 November 1985.



ATAS: BERSAMA Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto tunduk ke arah bendera Malaysia dan Jepun ketika menerima perbarisan kawalan kehormat di Tokyo.

BAWAH: MENDENGAR penterjemahan ketika seorang pelajar Jepun menge-mukakan pertanyaan pada sesi soal jawab semasa lawatan ke Universiti Waseda, Tokyo pada 27 Mac 1997.



BERSAMA Perdana Menteri, Tony Blair di 10 Downing Street ketika lawatan ke Britain pada Mei 1997.



BERSAMA pemimpin-pemimpin, termasuk Presiden Suharto dari Indonesia dan Presiden Mesir, Hosni Mubarak yang menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 di Mesir pada Mei 1998.



DI EASTER ISLAND ketika lawatan ke Chile pada tahun 1991.



BERSAMA pemimpin Libya, Muammar Gaddafi pada 18 April 2002.



DISAMBUT mesra oleh Presiden Indonesia, BJ. Habibie setibanya di Lapangan Terbang Hang Nadim, Batam pada 20 Mei 1999.



MERAKAM keindahan air terjun Iguazu Falls.



BERSAMA Presiden Melo di Brasila ketika lawatan ke Brazil.




MENUNAIKAN sembahyang sunat Hari Raya Aidiladha di Woodwork, Chile pada September 1991.



MENINJAU meja buatan tangan daripada kayu dalam pameran di Santiago ketika melawat Chile pada 1991.



MENERIMA cenderamata daripada Presiden Chile ketika lawatan ke negara itu pada Julai 1991.



ATAS: BERSAMA beberapa ulama di Qom, Iran pada April 1993.



KIRI: DENGAN berpakaian ala Mexico, membeli-belah di Cancun ketika melawat Mexico.



BERUCAP di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 17 September 1991.



MENERIMA pingat Jose Marti daripada Presiden Cuba, Fidel Castro di Istana Revolusi, Havana pada 26 September 1997.



MENERIMA cenderamata daripada Presiden Chile ketika lawatan ke negara itu pada Julai 1991.



5th ASEAN SUMMIT

Bangkok, 14 - 15 Dec 1995



ATAS: BERSAMA pemimpin negara anggota ASEAN pada Sidang Kemuncak Kelima ASEAN yang berlangsung mulai 14 hingga 15 Disember 1995.

KANAN: BERSAMA Presiden Ireland, Mary Robinson pada 1992.





ATAS: MENYAMPAIKAN cenderamata kepada Perdana Menteri Ireland, A. Reynold ketika lawatan ke negara itu pada 1992.

KANAN: BERSAMA rakan sejawatannya, John Major ketika lawatan ke Britain pada 1992.





DISAMBUT Presiden Suharto dari Indonesia ketika tiba untuk menghadiri Sidang Kemuncak NAM pada tahun 1992.



MENEMUI Putera Kemboja, Norodom Ranaridh pada Ogos 1994.



MEMERHATIKAN Presiden Argentina, Carlos Menem yang cuba menghasilkan pakaian batik ketika melawat Ekspo Malaysia di Argentina pada Oktober 1997.



DISAMBUT Presiden Ali Akbar Hashemi Rafsanjani di Teheran, Iran pada 3 April 1993.



BERSAMA Presiden Chile, Eduardo Frei selepas pelancaran tren baru di Santiago ketika lawatan ke negara itu pada 29 dan 30 September 1997. Dr. Mahathir melawat Chile buat pertama kali pada tahun 1991. Hubungan Malaysia dan Chile diperkuatkan sebagai sebahagian daripada rangka kerjasama Selatan-Selatan.




MENGUNJUNGI Raja Kemboja, Norodom Sihanouk pada September 1995.



MENEMUI Presiden Le Duan di Hanoi ketika lawatan ke Vietnam pada Mac 1996.




MENERIMA bunga sebelum berlepas dari Tashkent pada 3 April 1993 di akhir lawatan ke Uzbekistan.



TUMPUAN ... menemui wartawan asing di Shanghai, China ketika Sidang Kemuncak APEC pada Oktober 2001. Sentiasa menjadi tumpuan wartawan sama ada dalam atau asing kerana pandangan bernes, tajam dan berani.





ATAS: SUARA GLOBAL ... berucap pada sesi pleno Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) di Bangkok, Thailand pada 12 Februari 2002. Dr. Mahathir menegaskan keperluan penyertaan saksama dalam proses globalisasi setiap negara tanpa mengira kaya atau miskin.

KIRI: PERTEMUAN BERNILAI ... menemui Presiden Rusia, Vladimir Putin di Istana Besar Kremlin, Moscow pada 14 Mac 2002. Putin turut melawat Malaysia pada 5 Ogos 2003. Di samping itu, Putin menghadiri Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya sebagai pemerhati atas undangan Dr. Mahathir.



MELAMBAI dari kokpit pesawat Antonov ketika melawat kilang pesawat itu di Kiev, Ukraine.



DIBERI sambutan perbarisan kawalan kehormat ketika melawat Maghribi pada April 2002.



BERSAMA Presiden Korea Selatan, Kim Dae-jung dan kanak-kanak sekolah di Blue House ketika lawatan ke Korea pada Mei 2002.



DISAMBUT oleh Presiden Bantuan Islam Dr. Hany El-Banna di pejabatnya pada 20 Januari 2003.



DISAMBUT oleh Maharaja Akihito di Tokyo, Jepun pada 11 Januari 2002. Bersama ialah Maharani Michiko dan Dr. Siti Hasnah.



UNTUK ALBUM ... Presiden Fidel Castro melihat gambar-gambar yang dirakamkan oleh Dr. Mahathir ketika lawatan ke Cuba, sebelum beliau berlepas pulang dari Havana pada 13 Mei 2001.



ATAS: TIBA di stesen kereta api Davos pada 23 Januari 2003 untuk menghadiri Forum Ekonomi Sedunia. Bersama beliau ialah Duta Malaysia ke Switzerland, Datuk Abdul Kadir Deen serta Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein (kiri, belakang).


KIRI: MENEMUI Presiden Bashar Al-Assad di Istana Rakyat, Damsyik semasa melawat Syria pada Ogos 2003. Malaysia memberikan sokongan moral kepada Syria yang berhadapan dengan tekanan negara-negara Barat, khususnya Amerika Syarikat sejak pertengahan 2003.




KIRI: JALINAN KERJASAMA ... mengadakan pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush di Shanghai pada 20 Oktober 2001 ketika Sidang Kemuncak APEC. Pertemuan pertama selepas serangan pengganas pada 11 September. Kedua-dua mereka bertemu di White House pada Mei 2002 dan sempena mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik 2002 di Mexico dan Oktobre 2003 di Bangkok, Thailand.

BAWAH: MENGUNJUNGI Permaisuri Thai, Sirikit di Chitralada Villa, Bangkok ketika kunjungan ke Thailand pada 2002.





MENEMUI Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid di Istana Negara, Jakarta pada 3 Mac 2000.



ATAS: BERSAMA Perdana Menteri, Jean-Claude Juncker selepas upacara pemeriksaan perbarisan kawalan kehormat bagi menyambut ketibaan beliau di Luxembourg.

KANAN: BERSAMA Raja Luxembourg, Duke Henrudi Grand Ducal Palace ketika lawatan pada 12 Jun 2002.





PERBARISAN kawalan kehormat ketika lawatan ke Warsaw, Poland pada Mac 2002.
Bersama beliau Perdana Menteri Poland, Leszek Miller.



BERBUAL dengan Presiden Mongolia ketika mengikuti persembahan kebudayaan menyambut kunjungan Dr. Mahathir ke Mongolia.



ATAS: MELIHAT dengan dekat kokpit pesawat SU-39 ketika melawat Institut Penerangan Zhukosky, Rusia pada 2002.

KIRI: MENERIMA cenderamata daripada Pengerusi dan Ketua Mufti Rusia, Ravil Gainutdin (kiri) di Masjid Mir Prospek, Moscow ketika lawatan ke Rusia pada Mac 2002.



ATAS: MENERIMA pingat Grand Cross of the Order of Merit daripada Presiden Poland, Aleksander Kwasniewski di Istana Presiden ketika lawatan ke negara itu pada Mac 2002.


KANAN: SEMUANYA MENARIK? ... membeli-belah di bazar Casablanca.





ATAS: DISAMBUT ... bersama Perdana Menteri Poland, Leszek Miller dan isteri masing-masing ketika tiba di Pejabat Perdana Menteri Poland pada Mac 2003.

KANAN: BERUCAP pada Sidang Kemuncak Kumpulan Negara-Negara Selatan di Havana, Cuba pada April 2000. Satu lagi forum digunakan oleh Dr. Mahathir untuk mengetengahkan masalah dan isu menyentuh negara-negara sedang membangun.





ATAS: DI STESEN TV Kansai, Osaka ketika sesi sidang video dengan gabenor Tokyo sempena lawatan ke Jepun pada tahun 2000.

KANAN: MENEMUI rakan sejawatannya dari Lebanon, Rafic Hariri di Beirut pada 20 Januari 2003.





DISAMBUT oleh Canselor Jerman, Gerhard Schroeder ketika tiba untuk lawatan ke negara itu pada Mac 2002.



ATAS: DR MAHATHIR bersama Presiden Lebanon, Emile Lahoud di Berud pada Januari 2003.


KIRI: MENERIMA pingat Grand Cross of the Order of Merit daripada Presiden Lebanon, Emile Lahoud di Berud pada Januari 2003.



BERSAMA Sultan Hassanal Bolkiah dan Presiden Rusia, Vladimir Putin ketika Sidang Kemuncak APEC di Brunei pada November 2000.



mendekati rakyat



ATAS: SANTAI ... gambar Dr. Mahathir memict tapak kakinya semasa Presiden MCA ketika itu, Datuk Seri Dr. Ling Liang Sik, berucap pada Perhimpunan Bersama Rakyat di Lumut pada 1990.


KIRI: MENURUNKAN autografi untuk peserta malam pejuang-pejuang kebebasan.




ATAS: TUNJUK AJAR DARIPADA PM ... berbual mesra dengan murid-murid Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Peel, Kuala Lumpur pada 2 November 1984. Bersama beliau ialah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang ketika itu merupakan Menteri Pelajaran.

KIRI: DIKELILINGI jemaah selepas majlis perasmian masjid di Mukim Kok Lanas dekat Kota Bharu pada April 1982.

KANAN: DIUSUNG selepas pitam ketika lawatan ke Kedah pada Ogos 1981.







ATAS: MEMBUAT tinjauan pembangunan dengan menaiki bot ketika melawat Terengganu.

KANAN: BERPAKAIAN sebagai seorang petani ketika lawatan ke Marang, Terengganu pada 21 Oktober 1988.

KIRI: MENCUBA kasut baru Pekan Rabu ketika melawat negeri kelahirannya pada 25 Julai 1981.





DR. MAHATHIR dengan penyodok berwarna emas, manakala timbalannya, Datuk Musa Hitam pula dengan penyodok perak menjayakan pelancaran kempen menanam pokok di pekarangan bangunan Parlimen pada November 1983.



MENGHULURKAN makanan kepada kanak-kanak sekolah. Dr. Mahathir pernah memegang jawatan sebagai Menteri Pelajaran.





ATAS: BERTOPI ala tudung saji sambil mengaminkan doa bersama rakyat semasa melawat Terengganu pada tahun 1986.

KANAN: DIHORMATI dan dikagumi oleh tua dan muda ... bersama Haji Hussein Yaacob, penduduk paling tua di Kampung Gelam Pasir ketika majlis berbuka puasa di madrasah kampung berkenaan pada 1985.

KIRI: KEPIMPINAN MELALUI TELADAN ... Dr. Mahathir turut mengutip sampah dalam kempen gotong-royong di Jalan Munshi Abdullah, Kuala Lumpur pada 1983.








ATAS: MEMBUAT AIS KACANG ... menyediakan ais kacang untuk dua kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam Hari Keluarga Perdana Menteri.


KANAN: BASMI KEMISKINAN ... membantu peserta-peserta majlis gotong-royong memindahkan sebuah rumah di Kelantan.

KIRI: SEDIA turut serta "lumba daun pelepas" dalam satu pesta sukan rakyat di Kelantan pada tahun 1988.





MELAMBAI ke arah orang ramai ketika lawatan ke Empangan Air Keroh.



ATAS: MENDAPATKAN khidmat mengurut kaki ketika lawatan ke Langkawi pada Ogos 1998.

KIRI: "DATUK, IKUT SAYA" ... berjalan mengikut kehendak seorang murid selepas melancarkan Projek Badminton '98 di Cheras pada 17 April 1993.





KIRI: MENARIK PERHATIAN PERDANA MENTERI ... Khairul Halizi, 8, membisik Dr. Mahathir ketika melawat RISDA Tanjung Genting di Changlun, Kedah pada April 2000. Di sebelah kanan Dr. Mahathir ialah Nor Ashikin Abu Bakar, 9.


KANAN: "APA KHABAR?" ... Dr. Mahathir menyambut mesra Nasruha Sa'adom, 5, yang spontan bersalam dengannya pada sesi bergambar bersama pegawai-pegawai polis di Balai Polis Ayer Hitam pada 23 April 1995.

BAWAH: KHIDMAT DOKTOR ... memeriksa kanak-kanak berusia tiga tahun, B. Sathiskumar sempena majlis pelancaran Program Klinik Kampung peringkat negeri Perak di Tapah pada 22 Julai 1993.






BERBUAL mesra dengan tetamu paling muda pada majlis rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri di Sri Perdana.




APA YANG DIMASAK? ... menyediakan makanan ketika Hari Keluarga Jabatan Perdana Menteri pada Oktober 1995.



DISAMBUT masyarakat Thai Malaysia ketika lawatan ke Baling pada 26 Mei 2000.




MERASAI perkhidmatan pengangkutan beca ketika melawat Terengganu. Ketibaan beliau disambut dengan perarakan menerusi beca yang diberi nama Wawasan 2020. Dr. Mahathir mengumumkan matlamat Wawasan 2020 pada Februari 1991 dan dihayati rakyat negara ini.



GURAUAN UNTUK KAMERA ... mengenakan pakaian untuk mengambil bahagian dalam majlis penyembelihan korban di Alor Star pada April 1997.





DENGAN diiringi Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menziarahi kembar siam Malaysia, Muhammad dan Ahmad Rosli di King Fahad National Guard Hospital pada 19 Oktober 2002. Kanak-kanak itu dipisahkan oleh pakar hospital berkenaan pada 17 September 2002.



ATAS: MESRA KANAK-KANAK ... disambut kanak-kanak pelbagai lapisan masyarakat ketika tiba untuk merasmikan majlis pecah tanah Lembah Bio, Dengkil pada 20 Mei 2003. Lembah Bio merupakan satu lagi usaha mempertingkatkan bidang pembangunan dan penyelidikan di Malaysia.

KIRI: MELAMBAI ke arah peserta-peserta perhimpunan Hari Belia Kebangsaan di Stadium Putra, Bukit Jalil pada 15 Mei 2003.





ATAS: MENGENANG ... sebak apabila mendengar lagu Perjuangan Yang Belum Selesai yang didendangkan oleh Nora pada majlis Deklamasi Puisi Angkasapuri 2001 di Kuala Lumpur pada 2 September 2001.

KANAN: MENCUBA bakat menghasilkan teh tarik.

KIRI: "BOLEH SAYA DAPATKAN AUTOGRAF DATUK?" ... melayan permintaan seorang peserta ketika tiba untuk merasmikan Persidangan Kebangsaan mengenai Ekonomi Golongan Cacat di Shah Alam pada 22 Ogos 2002.





ATAS: SAYANG ... dikerumuni pemintat muda pada Perhimpunan kanak-kanak di ibu negara pada Julai 2002. Di sebalik kesibukan tugas sehari-hari, Dr. Mahathir meluangkan masa untuk menghiburkan kanak-kanak.

KANAN: PENYANYI ... menyertai Kumpulan KRU mendendangkan lagu pada majlis makan anjuran BAKTI pada Julai 2001.





malaysia **boleh!**



MENCUBA bakat membuat tembakan tepat pada sasaran sempena lawatan ke Kem Terendak, Melaka pada Februari 1983.




GELAGAT lucu ketika perlawanan persahabatan antara anggota Kabinet dengan Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan pada tahun 1986.



ATAS: MEMUKUL bola golf sebagai tanda perasmian Perlawanan Golf Amal di Mines Resort City, Seri Kembangan, Selangor pada 7 Januari 1996.

KIRI: BERSAMA atlet-atlet Malaysia di kem latihan di Bangi ketika persiapan menghadapi Sukan SEA XV pada tahun 1989.

KANAN: MEMASTIKAN ketahanan diri dalam keadaan sempurna dengan menunggang kuda di Paya Indah Wetlands, Dengkil. Menunggang kuda pada sebelah pagi merupakan antara aktiviti penting Dr. Mahathir pada hujung minggu.





ATAS: DR. MAHATHIR bersama pasukan badminton yang memenangi pingat emas pada Sukan Komanwel '98.

KIRI: MENUNJUKKAN pingat emas pertama Sukan Komanwel '98.



MENINJAU kereta Lotus Elise dalam satu pameran pemotoran.




MEMANDU kereta elektrik ketika melawat Ekspo LIMA pada 6 Disember 1997.



CUBA mengendalikan kapal Colombo Star di Langkawi sempena pameran LIMA 1995. Dr. Mahathir merupakan pencetus idea dan nadi penggerak LIMA, satu lagi acara bertaraf global yang menaikkan imej Pulau Langkawi.



BUKAN HENDAK BERLUMBA ... sekadar mencuba trek MORAC sebelum Pusingan Akhir Grand Prix Rotax pada Januari 2002. Di belakang beliau ialah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.



ATAS: MENGAMBIL bahagian dalam Kejohanan Tunggang Lasak Antarabangsa Polis Diraja Malaysia-Tenaga Nasional Berhad 2001. Di sebelah kiri beliau ialah Pengurus TNB, Datuk Dr. Jamaludin Jarjis.

KIRI: MENCUBA raifal bersama Nurul Huda Baharin, (kanannya), pemenang pingat emas Sukan Komarwel, di Padang Tembak Langkawi pada September 1998.

KANAN: SELAMAT BERJUANG ... melepaskan pelayar negara, Datuk Azhar Mansor yang memulakan ekspedisi mengelilingi dunia secara solo di Pulau Langkawi. Bersama beliau ialah Menteri Kedah, Tan Sri Samusi Jundi.






SUKAN F1 ... dalam kokpit kereta Sauber-Petronas Formula 1 (F1). Di bawah kepimpinan Dr. Mahathir, Malaysia meneroka sukan pemotoran F1 mulai Disember 1999, sekali gus mengukir nama dalam sukan ini.




ATAS: MALAYSIA BOLEH ... bersama (dari kiri) Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pelayar solo negara, Datuk Azhar Mansor menyambut perenang maraton negara, Datuk Abdul Malik Mydin yang berjaya menyelang Selat Inggeris pada 8 Ogos 2003. Azhar dan Abdul Malik merupakan antara rakyat yang membuktikan slogan "Malaysia Boleh". Semasa kepimpinan Dr. Mahathir, rakyat Malaysia juga berjaya mendaki Gunung Everest dan menjajakkan kaki di Kutub Utara.

KANAN: PENGAIL ... memperkenan kemahiran mengail selepas merasmikan pertandingan memancing di Langkawi pada Mac 2002.






MENUNGGANG kuda pada 26 Ogos 2001.



keluarga bahagia



MENGENAKAN isterinya, Dr. Siti Hasmah rantai leher.



ATAS: MELAWAT Tembok Besar China bersama Dr. Siti Hasmah dan anak perempuan mereka, Marina.

KIRI: BERSAMA Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menaiki kereta api ketika mengadakan lawatan ke Johor.



ATAS: MENUNJUKKAN Dr. Siti Hasmah panorama bandar raya Kuala Lumpur dari bangunan Lembaga Tabung Angkatan Tentera selepas merasmikannya pada 31 Oktober 1985.

KIRI: MEMBERI SEMANGAT ... dengan gaya tersendiri cuba menyatakan sesuatu pada majlis pelancaran Projek Badminton '98 di Cheras pada 17 April 1993. Dr. Siti Hasmah, Penaung Persatuan Badminton Malaysia dan penyokong kuat sukan badminton turut hadir pada majlis itu.



KASIH SAYANG ADIK-BERADIK ... menziarahi kakak kandung, Habsah, 80 (kanan) dan Rafeah, 86 di kediaman mereka di Taman Malik di Alor Star pada 25 Disember 1998. Bersama mereka ialah Dr. Siti Hasmah.



ATAS: KENANGAN ... mengimbas zaman kanak-kanak ketika melawat rumah kelahirannya di Jalan Pegawai, Alor Star pada 30 November 2001.

KIRI: BERSAMA Dr. Siti Hasmah dan kereta yang beliau gunakan ketika muda, yang dibeli dan dihadiahkan oleh pengikut-pengikutnya pada 31 Ogos 2002.



SUAMI MISALI ... sama-sama tersenyum mesra sambil menyematkan nombor penyertaan ke baju 'T' Dr. Siti Hasmah untuk menyertai Walkaton BAKTI di Dataran Parlimen pada September 1990.



ATAS: SAMA-SAMA RINDU ... bergegas turun dari pesawat untuk mendukung anaknya, Malzura yang menanti kepelangan beliau selepas melawat Filipina pada Februari 1987.

KIRI: DENGAN ditemani dua orang jururawat, keluar untuk menemui wartawan di Hospital Besar Kuala Lumpur selepas menjalani pembedahan pintasan jantung pada tahun 1989.



ATAS: MESRA RAKYAT ... bersalam dengan ahli Persatuan Waltankung dan Neitankung, dan Persekutuan Taiji Qi Gong selepas mengikuti senaman kendalian pertubuhan berkenaan di Dataran Merdeka pada 7 Mac 1999. Bersukan salah satu aktiviti yang sebat dengan diri Dr. Mahathir.

KIRI: BERANSUR PULIH ... berbual dengan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di Hospital Besar Kuala Lumpur selepas menjalani pembedahan pintasan jantung pada tahun 1989.



DISAMBUT MESRA ... menyambut kepulangan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali sekembalinya beliau dari lawatan signifikan ke Iraq di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz pada tahun 2000.



SUAPAN SUAMI ... Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali mencuba kepingan tosai yang Dr. Mahathir potong daripada tosai raksasa ketika rumah terbuka Deepavali.



MENIKMATI keindahan kepulauan Langkawi dari puncak Gunung Machichang, Langkawi pada Oktober 2002.




ATAS: BERTUKAR PANDANGAN ... Dr. Mahathir mendengar sesuatu yang diperkatakan oleh isterinya, Dr. Siti Hasmah pada Perhimpunan Hari Pekerja 2003 di Stadium Putra, Bukit Jalil pada Mei 2003.


KIRI: BERGURAU sendang dengan isterinya, Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali yang kembali ke tanah air selepas lawatan ke luar negara.



Jasamu **dikenang**



PENGGANTI ... Dr. Mahathir memperkenalkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan mengangkat tangannya sebelum meninggalkan Menara Dato' Onn pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO 2003.



TERIMA KASIH ... melambai ke arah orang ramai dan kakitangan kerajaan sebelum meninggalkan pekarangan Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada petang 31 Oktober 2003.



JASA DIHARGAI ... Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullaili menganugerahkan darjah kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara yang membawa gelaran Tun pada 31 Oktober 2003.



BERSALAM dengan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail selepas dianugerahkan darjah kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara pada 31 Oktober 2003.



BERSAMA Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail; Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas dianugerahkan darjah kebesaran yang membawa gelaran Tun di Istana Negara pada 31 Oktober 2003. Abdullah juga mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima pada hari itu menggantikan Tun Dr. Mahathir.



BANYAK SUDAH KEJAYAAN yang kita capai, tetapi perjuangan belum selesai. Teruskanlah ... kira-kira satu setengah jam setelah Dr. Mahathir menerima anugerah darjah kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara yang membawa gelaran Tun dan YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerima surat pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima di Istana Negara, satu upacara simbolik penyerahan tugas berlangsung di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya. Tun Dr. Mahathir menyerahkan sejilid fail berisi dokumen-dokumen kepada Perdana Menteri baru yang mesra dengan panggilan Pak Lah pada Jumaat 31 Oktober 2003.